

Karya Keislaman dan Kesufian Martin Lings

[Islamic and Sufi Books of Martin Lings]

BITARA

Volume 7, Issue 4, 2024: 317-331
© The Author(s) 2024
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 24 October 2024
Accepted: 24 November 2024
Published: 24 December 2024

Nik Noraini Mohamad Daud¹ & Nozira Salleh^{1*}

1 Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA
E-mail: niknoraini@gmail.com; aziera@ukm.edu.my

*Corresponding Author: aziera@ukm.edu.my

Abstrak

Martin Lings merupakan seorang cendekiawan Inggeris yang banyak menghasilkan karya yang berkaitan dengan Tasawuf. Walau bagaimanapun, beliau yang lahir pada 1909 bukanlah berasal daripada keluarga yang beragama Islam. Namun, setelah memeluk Islam, beliau dikenali pula dengan nama Abu Bakar Sirajuddin. Tetapi, mungkin tidak ramai umat Islam yang mengenalinya kecuali di kalangan pelajar, pengkaji dan tokoh Islam. Justeru, kajian ini secara umumnya bertujuan untuk mengkaji Martin Lings dengan melengkapkan biografinya, pendidikan, kerjaya dan karyanya dalam pelbagai bidang terutama tasawuf. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif iaitu menganalisis buku-buku dan artikel berkaitan dengan tajuk. Hasil kajian mendapati bahawa Martin Lings merupakan sarjana hebat dalam pelbagai bidang dan seharusnya, beliau dan karyanya perlu diketengahkan kepada masyarakat Islam khususnya agar mereka memperoleh banyak manfaat daripadanya.

Kata kunci: Tasawuf, Martin Lings, Sufi, Islam

Abstract

Martin Lings was an English scholar who had produced many works related to Sufism. However, he was born in 1909 and did not come from a Muslim family. However, after embracing Islam, he was also known as Abu Bakar Sirajuddin. But, maybe not many Muslims know him except among students, researchers and Islamic figures. Thus, this study generally aims to study Martin Lings by completing his biography, education, career and works in various fields, especially Sufism. This study uses a qualitative research approach, which is to analyze books and articles related to the topic. The results of the study found that Martin Lings was a great scholar in various fields and his appearance and his work should be highlighted to the Muslim community in particular so that they can benefit from it.

Keywords: *Sufism, Martin Lings, Sufi, Islam.*

Cite This Article:

Nik Noraini Mohamad Daud & Nozira Salleh. (2024). Karya Keislaman dan Kesufian Martin Lings [Islamic and Sufi Books of Martin Lings]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(4): 317-311.

Pengenalan

Martin Lings merupakan seorang cendekiawan Inggeris yang banyak menghasilkan karya yang berkaitan dengan tasawuf. Walau bagaimanapun, beliau bukanlah berasal daripada keluarga yang beragama Islam. Namun setelah memeluk Islam, beliau dikenali sebagai Abu Bakar Sirajuddin. Tetapi, mungkin tidak ramai umat Islam yang mengenali nama tersebut jika

dibandingkan dengan nama asal beliau yang sangat popular terutamanya dalam kalangan pengkaji dan tokoh Islam. Antara sumbangan Martin Lings yang amat bernilai adalah penulisannya tentang kisah hidup Rasulullah s.a.w iaitu *Muhammad: Based On Earliest Source*. Dengan gaya bahasa yang mudah difahami, Martin Lings dikatakan mampu mendatangkan sebuah riwayat hidup Nabi yang paling inspiratif di dunia. Selain itu, antara penulisan-penulisan lainnya yang tersohor adalah *what is Sufisme, A Sufi Saint of The Twentieth Century dan Ancient Belief dan Modern Superstitious*. Karya-karya tersebut membincangkan tasawuf secara umum dan juga pandangan beliau terhadap tasawuf. Kemudian, Martin Lings juga menghasilkan banyak terjemahan teks Islam, puisi, seni dan falsafah. Beliau turut dikenali sebagai seorang sufi yang gigih menyebarkan Islam di Barat melalui tulisan-tulisannya dalam pelbagai bidang.

Latar Belakang Kehidupan Martin Lings

Martin Lings dilahirkan pada 24 Januari 1909 di Burnage, Manchester, England. Namun, beliau dibesarkan di Amerika Syarikat oleh bapanya yang bekerja di sana. Kemudian, Martin Lings kembali ke England untuk meneruskan pengajian pada usia remajanya. Beliau mendapat pendidikan di Clifton College dan kemudiannya belajar pula di Magdalen College, Oxford. Beliau berjaya mendapat ijazah dalam bidang Bahasa Inggeris dan Sastera. Ketika belajar di sana, beliau merupakan sahabat baik kepada C.S Lewis (seorang penulis dan ahli teologi yang memegang jawatan sebagai ahli akademik di Oxford University dan Cambridge University). Setelah tamat pengajian, beliau bertugas sebagai pensyarah di Vytautas Magnus University di Kaunas, Lithuania yang terletak di Eropah Timur. Beliau mengajar dalam bidang pengajian Inggeris di sana. Oleh sebab itu, beliau amat meminati puisi-puisi kesusasteraan Inggeris dan karya-karya Shakerspeare (Douglas Martin 2005: 2).

Sepanjang kehidupannya, Martin Lings telah mengembara ke pelbagai negara dalam usaha untuk mencari kebenaran agama kerana beliau tidak menemui kebenaran yang dicari dalam agama asalnya, Kristian. Dalam hal ini, Martin Lings mempunyai dua orang sahabat yang juga mempunyai sifat yang sama sepertinya iaitu sifat ingin tahu yang mendalam kepada agama telah membawa mereka untuk mencari kebenaran. Salah seorang daripadanya bernama Patterson, yang mana dia telah menjelajah ke China untuk mencari kebenaran tentang Konfusianisme. Namun, akhirnya dia telah memeluk Islam dengan nama Sidi Hussein Nur al-Din. Manakala seorang lagi sahabatnya juga turut memeluk Islam dengan nama Sidi Daud (Ali Gomaa 2005: 87). Pada tahun 1938, Martin Lings telah pergi ke Basle, Switzerland dan menemui Fritjof Schuon atau lebih dikenali dengan nama Syaikh Isa Nur al-Din. Beliau kemudiannya memeluk Islam dan mula belajar bahasa Arab bagi memudahkannya menunaikan ibadah. Beliau juga telah menyertai tarekat *al-Alawiyyah* yang dipimpin oleh Syaikh Isa Nur al-Din (Martin Lings 2005: 5-6). Hal tersebut telah digambarkan dalam tulisannya *A Return To the Spirit*:

There were two or three rooms, the largest of which, over looking the water, they had made into their zawiya, a name given to a hall where where Sufis hold their majalis. That evening I was taken there to the majalis, and as I sat in the

circle of men, all of them in Islamic dress, an immense happiness dawned upon me. My yearning for an impossibility, which Guenon's message had thrust into the background, suddenly reasserted itself, but this time as a reality: I was, so it seemed, about to be reborn into an earlier age which was independent of the modern world and dominated by traditional values; and I discovered my 'religion of beauty'.

Pada tahun 1944, Martin Lings telah berkahwin dengan Lesley Smalley yang turut memeluk Islam dan dikenali dengan nama Rabia. Beliau kemudiannya tinggal di Kaherah, Mesir di perkampungan *Nazlat al-Saman*. Minat beliau yang mendalam terhadap keilmuan Islam dan Arab telah mendorong beliau untuk berada di sana. Beliau telah bertugas sebagai pensyarah bahasa Inggeris di Universiti Kaherah bagi menggantikan tempat sahabatnya yang terlibat dalam kemalangan. Pada masa yang sama, Martin Lings turut mempelajari dan mendalami bahasa Arab. Keberadaan Martin Lings di Mesir tidak begitu lama kerana pada tahun 1952, teretusnya demonstrasi anti-British yang menyebabkan Martin Lings terpaksa kembali ke London (Muhamad Hakiki 2018: 81).

Setelah pulang ke England, Martin Lings telah menyambung pengajian akademiknya ke peringkat yang lebih tinggi iaitu Ijazah Kedoktoran (PhD) di *School of Oriental and African Studies*. Beliau telah menghasilkan tesis PhD tentang Syeikh Ahmad al-Alawi. Pada tahun 1970, Martin Lings berkhidmat di Muzium British sebagai pembantu penjaga manuskrip. Beliau bertanggungjawab terhadap setiap manuskrip dan buku-buku bahasa Arab yang terdapat di situ. Pada tahun 1973, Martin Lings memegang jawatan yang sama di Perpustakaan British (Douglas Martin 2005:1). Pekerjaannya ini telah mendorong beliau untuk menghasilkan bukunya iaitu *the art of Quranic calligraphy and illumination* yang diterbitkan oleh *The World of Islam Festival* pada tahun 1976. Di samping itu, beliau juga menghasilkan buku yang bertajuk *the book of certainty* yang ditulis dalam bahasa Arab dengan tajuk *kitab al-yaqin al-madhhab al-Sufi fi imam*. Beliau juga berjaya memperolehi Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Kedoktoran (PhD) dalam bidang bahasa Arab. Maka dari situ, terhasilnya banyak karya beliau dalam bahasa Arab dan Inggeris, dan semua karya tersebut dicetak dan diterbitkan untuk tatapan masyarakat (Ali Gomaa 2005: 87).

Pada 30 tahun terakhir hayatnya, Martin Lings banyak menghabiskan masa untuk menulis dan memberi ceramah tentang agama. Pada tahun 2005, beliau berkesempatan untuk mengembara ke Mesir, Dubai, Pakistan dan Malaysia. Sepuluh hari sebelum beliau meninggal dunia, beliau telah menyampaikan ceramah yang terakhir di Wembley Conference Centre bersempena Maulidur Rasul. Majlis tersebut dihadiri oleh 3,000 hadirin (Gai Eaton 2005: 93). Kemudian pada 12 Mei 2005, beliau telah menghembuskan nafasnya yang terakhir di kediamannya di Kent, England pada usianya 96 tahun (Ali Gomaa 2005: 87; Douglas Martin 2005:1).

Karya-karya Martin Lings

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini bahawa Martin Lings telah banyak menghabiskan masanya untuk menulis, maka terdapat banyak hasil karya beliau yang sangat

hebat dan bermanfaat kepada masyarakat Islam khususnya. Beliau telah menghasilkan sejumlah 20 naskah penulisan yang telah dicetak dalam pelbagai bidang ilmu seperti kesenian, sejarah dan sastra, tetapi bidang tasawuf lebih menonjol. Antara hasil karya beliau ialah:

The Book of Certainty: The Sufi Doctrine of Faith, Vision and Gnosis

Buku yang diterbitkan pada tahun 1952 ini bertajuk '*The book of certainty: the Sufi doctrine of faith, vision and gnosis*'. Tujuan penulisan buku ini menurut Martin Lings (2001:5) adalah untuk mengukuhkan kebenaran tentang agama Allah melalui ilmu kerohanian. Justeru itu, ia menerangkan tentang keyakinan, penglihatan batin dan makrifat. Martin Lings (2001:6) pernah menyatakan bahawa buku ini memerlukan penjelasan yang terperinci kepada orang Barat yang membacanya kerana ia bukanlah ditulis untuk mereka walaupun ia berbahasa Inggeris. Pada awalnya, buku ini ditulis dalam bahasa Arab, dan kemudiannya, ia telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris. Ia mengandungi 18 tajuk utama seperti *haq al-yaqin*, *ain al-aqin*, *ilmu yaqin*, syurga dan roh. Setiap bab yang ditulis oleh Martin Lings merupakan pandangan atau ulasannya terhadap ayat al-Quran berkaitan tajuk yang dibincangkan. Selain itu, banyak penjelasan dalam buku ini juga didasarkan kepada hadis Nabi s.a.w dan juga tafsiran ayat al-Quran daripada Muhyiddin ibnu 'Arabi (Martin Lings 2001).

Martin Lings (2001:6) menyatakan dalam aspek kebatinan terdapat tiga darjat keimanan dan di dalam sudut tasawuf, darjat ini dikenali sebagai '*ilm al-yaqin*, *ain al- yaqin* dan *haq al-yaqin*. Dalam menerangkannya, beliau menggunakan unsur api sebagai analogi dalam menggambarkan kebenaran Ilahi tersebut. Beliau menjelaskan lagi yang darjat paling rendah adalah '*ilmu al-yaqin* yang mana dimiliki oleh orang yang mempunyai ilmu pengetahuan tentang api berdasarkan berita atau khabar yang didengarinya semata-mata. '*Ain al-yaqin* pula adalah keyakinan yang dimiliki oleh orang yang pernah melihat cahaya daripada nyalaan api, manakala darjat yang tertinggi iaitu *haq al-yaqin* adalah dimiliki oleh orang yang pernah mempunyai pengalaman dijilat api atau terkena api sehingga melecur. Martin Lings menyifatkan orang yang mencapai darjat yang tertinggi ini bererti mereka sudah berada pada darjat *al-insān al-kāmil* (manusia sempurna) dan beliau gelarkannya juga sebagai ahli Sufi. Namun demikian, Martin Lings (2001:7) menyatakan bahawa darjat tersebut sebenarnya tidak boleh dianggap sebagai satu darjat yang biasa kerana ia merupakan tahap kesatuan dengan Tuhan yang Abadi, malah keadaan tersebut dinamakan *baqa*' setelah melalui *fana*' kerana semua yang berubah telah lenyap dan yang tinggal hanyalah Yang Abadi. *Al-Insān kāmil* bagi Martin Lings adalah golongan yang telah mencapai makrifat atau keyakinan yang sebenar sehingga mereka mampu berada dalam keadaan *baqa*'.

Secara umumnya, kandungan buku ini menunjukkan bahawa Martin Lings menolak pandangan yang menyatakan kesatuan dengan Tuhan adalah gabungan antara dua zat secara zahir sebagaimana yang difahami oleh sesetengah golongan sehinggalah mereka mendakwa ajaran tasawuf adalah sesat. Hakikatnya, Martin Lings menegaskan bahawa kesatuan yang dimaksudkan adalah melenyapkan segala yang lain sehingga Allah sahaja yang tinggal, lalu hal ini disebut sebagai *al-ahadiyyah* yang mana mereka yang berjaya merasai perkara ini ialah golongan *al-insān al-kāmil*.

A Sufi Saint of the Twentieth Century: Shaikh Ahmad al-Alawi

Buku yang dikarang oleh Martin Lings ini bertajuk ‘*A Sufi Saint of the Twentieth Century: Shaikh Ahmad al-Alawi*’ dan ia telah diterbitkan pada tahun 1961 oleh George Allen & Unwin sebagai edisi pertama. Seterusnya, edisi kedua telah diterbitkan pada tahun 1971 dan edisi ketiga telah diterbitkan pada tahun 1993 oleh *The Islamic Texas Society*. Di dalamnya juga terdapat beberapa ilustrasi termasuk gambar Syaikh Ahmad al-Alawi.

Martin Lings menulis buku ini adalah untuk mengetengahkan ketokohan Syaikh Ahmad Al-Alawi. Justeru, Martin Lings memulakan perbincangannya pada mukadimah buku ini dengan menyatakan bahawa Syaikh Ahmad al-Alawi adalah seorang tokoh tasawuf sejati, namun beliau tidak dikenali selain ahli-ahli tasawuf itu sendiri. Antara tahun 1910 hingga 1930, Syaikh Ahmad telah menerbitkan lebih daripada 10 hasil karya dan tempat penerbitannya adalah di pelbagai tempat seperti Algeria, Tunisia, Kaherah dan Mostaganem. Akan tetapi, hasil penulisan Syaikh Ahmad tersebut tidak didapati di Muzium British kerana pada waktu itu, pihak muzium tidak berjaya mendapatkan karya utama beliau mahupun puisi-puisi tulisannya. Dengan kata lain, karya-karya tersebut telah lenyap daripada dunia akademik. Di samping itu, Martin Lings menyatakan bahawa buku tersebut amat mudah untuk difahami oleh semua golongan. Hal ini dapat dibuktikan melalui kata-katanya:

The translations from Arabic and most else of what this volume contains formed the main part of the thesis which was approved by University of London for a PhD, Degree. But the interest of this material goes far beyond academic orientalism and I have now revised it and rearranged it with some omissions and many additions. So, as to make it into self-sufficient book which can be read without any special knowledge of the subject, and even without any general knowledge of Islam (Martin Lings 1993).

Di samping menonjolkan ketokohan Syaikh Ahmad al-Alawi dalam bidang tasawuf, Martin Lings juga telah menyentuh tentang asal-usul tasawuf yang sentiasa menjadi pertikaian dan perselisihan umat Islam. Menurut Martin Lings, meskipun nama tasawuf baru sahaja muncul selepas dua atau tiga generasi Islam, tetapi ia sebenarnya telah wujud sejak generasi pertama lagi. Perkara ini dibuktikan dengan amalan uzlah yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w di gua Hira’ dan kemudiannya Baginda telah menerima wahyu al-Quran yang pertama di sana. Kemudian, Martin Lings juga menjelaskan kaedah dalam memahami wahyu al-Quran yang bersifat kekal itu. Justeru, beliau menegaskan bahawa pemahaman wahyu dan ilham daripada apa yang difahami oleh penganut-penganut agama lain seperti Hindu, Buddha dan Yahudi adalah sangat berbeza.

Kemudian, Martin Lings menegaskan padanya tentang wahyu pertama yang dilihat mengandungi perintah membaca iaitu ‘*iqra*’, maka al-Quran disifatkannya sebagai satu naskah yang adanya “campur tangan” Tuhan secara menyeluruh buat manusia. Hal ini digambarkan Martin Lings sebagai satu bentuk mistisisme yang berupaya menenggelamkan para Sufi dalam ayat-ayat-Nya dan sekali gus menunjukkan kebenaran al-Quran sebagai panduan hidup buat semua manusia. Kemudian, Martin Lings mendatangkan puisi Syaikh Ahmad al-Alawi bagi

mengukuhkan penjelasannya tentang kebenaran dan keajaiban al-Quran seperti; “Ia telah bersemayam di dalam kalbu kami, dan bercampur dengan darah kami, daging kami, tulang-tulang kami dan semua yang ada dalam diri kami”(Martin Lings 1993: 33).

Selain itu, Martin Lings juga menerangkan dalam buku ini tentang banyak ayat al-Quran yang jelas menunjukkan pengamalan yang terdapat dalam tasawuf sebagaimana yang terangkum dalam surah al-Muzammil, ayat 8, “Tapi ingatlah nama Tuhanmu, dan beribadahlah kepadaNya sepenuh hati”. Justeru, Martin Lings menyatakan bahawa para Sufi sangat memahami ayat ini, maka mereka beramal ibadat dan berzikir sebanyaknya bagi menghampirkan diri kepada Allah s.w.t. Mengenai praktikal ibadah pula, Martin Lings menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w adalah individu yang paling layak dijadikan contoh dan teladan dalam beribadat. Begitu juga pergerakan-pergerakan dalam sembahyang yang dilihatnya sememang diambil daripada perlaksanaan oleh Rasulullah s.a.w setelah menerima wahyu perintah perlaksanaannya di Mekah melalui surah Al-Ahzab ayat 12: “Sujudlah dan dekatkan dirimu (kepada Tuhan)”. Oleh itu, Martin Lings berpandangan bahawa praktikal ini merupakan puncak kepada penghapusan diri kerana tanpa penghapusan diri, tidak mungkin seseorang hamba mampu mendekati diri kepada Allah. Penghapusan diri yang dimaksudkan oleh Martin Lings adalah apabila seseorang hamba mampu untuk beribadah kepada Allah dengan sepenuh hati sehingga mereka mampu meyakini kewujudan dan keesaan-Nya secara mutlak (Martin Lings 1993: 108-110).

Selain itu, pada bahagian kedua dalam buku ini juga turut mengandungi tentang ajaran dalam tasawuf. Antara perbincangannya adalah kesatuan wujud, makrifat, penyucian, sembahyang dan sebagainya lagi. Dalam membicarakan persoalan kesatuan wujud, Martin Lings mendatangkan ayat-ayat al-Quran sebagaimana berikut: “Kemanapun engkau menghadap, di situ terlihat wajah Allah (Surah al-Baqarah:115), “Segala sesuatu akan binasa kecuali wajah-Nya (Surah al-Qasas:88)” dan “Semua yang ada di bumi itu akan binasa dan kekallah wajah Tuhanmu dengan Keagungan dan KemurahanNya (Surah al-Rahman:26-27)”. Menurutnya, setiap ciptaan atau makhluk tidak ada yang kekal dan abadi, malah semuanya bersifat fana’ sahaja. Hanya Allah yang kekal dan tidak terbatas (Martin Lings 1993:111).

Kemudian, Martin Lings menjelaskan lagi tentang fahaman kesatuan wujud yang dinyatakan tersirat dalam nama Tuhan ‘*al-Haq*’ iaitu Yang Maha Benar atau Yang Maha Hakiki. Perkataan ‘wujud’ merujuk kepada Hakikat Mutlak iaitu Tuhan yang wujud dan tunggal. Fahaman kesatuan wujud ini diberi penekanan yang lebih berbanding fahaman-fahaman lain dalam tasawuf kerana ia dianggap tujuan terakhir dalam pengalaman kerohanian seseorang Muslim (Martin Lings 1993:112).

Dalam menyimpulkan tentang ajaran dalam tasawuf, Martin Lings memetik daripada risalah kecil yang ditulis oleh Syaikh Ahmad Al-Alawi iaitu *Al-Minah Al-Quddusiyyah* yang membahaskan berkenaan Iman, Islam dan Ihsan. Menurutnya, setiap amalan atau praktikal ibadah yang dituntut oleh syarak adalah mengisyratkan kepada penyempurnaan jiwa. Sekiranya amalan-amalan tersebut tidak mengisyratkan kepada penyucian batin, maka ia hanyalah dianggap sebagai pergerakan fizikal semata-mata.

Secara umumnya daripada keseluruhan buku ini, Martin Lings berjaya mengangkat ketokohan Syeikh Ahmad dengan penceritaan dan perbincangannya tentang tasawuf dan seringkali beliau kaitkannya dengan Syeikh Ahmad. Tambahan lagi, Martin Lings juga pernah

mendakwa bahawa Syeikh Ahmad Al-Alawi ialah orang pertama yang menulis secara lengkap tentang tafsiran metafizik terhadap amalan-amalan dalam ajaran Islam secara keseluruhan iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Hal ini merupakan satu pengiktirafan buat Syeikh Ahmad daripada Martin Lings.

Ancient Beliefs And Modern Superstitious

Buku yang dikarang oleh Martin Lings ini bertajuk '*ancient beliefs and modern superstitious*' telah diterbitkan pada tahun 1964. Buku ini memfokuskan tentang kepercayaan kuno di samping membahaskan juga kepercayaan tamadun moden. Penulisan beliau ini dikatakan menarik untuk dibaca sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Paolo Urizzi (2005: 121):

A small work of his mature thought where the acute genius of Lings expresses itself thoroughly. Why mastery and simplicity, but at the same time with brilliant expression and deep intuition, he accompanies the reader in discovering that perfection which has been the intrinsic nature of the original condition of humanity. In it, with wise illustrations, he shows us what separates altogether an archaic civilization founded upon the contemplation of unchangeable truths, where all is a manifestation of qualitative synthesis, from the modern one, where every thing develops itself without an immovable centre of constant orientation, without a vision regulating in a harmonic way the chaotic growth of its ephemeral productions.

Pandangan yang dinyatakan ini menunjukkan bahawa Martin Lings telah berjaya menyampaikan kepada pembaca dengan sempurna tentang ilmu kerohanian. Melaluinya beliau menerangkan kepada pembaca tentang keadaan kemanusiaan secara mendalam.

The Elements and Other Poems

Buku '*the elements and other poems*' adalah himpunan puisi tulisan Martin Lings yang telah diterbitkan oleh Parnassus Books pada tahun 1967. Kandungan buku ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu *Early Poems* (1932-1936) yang diletakkan pada bahagian pertama dan *Later Poems* (1951-1966) yang diletakkan pada bahagian kedua. Bahagian pertama mengandungi tujuh buah puisi manakala bahagian kedua mengandungi empat buah puisi.

Puisi '*the elements*' yang dijadikan sebagai sebahagian tajuk buku ini adalah sebuah sajak panjang yang setiap barisnya mengingatkan para pembaca pada doa-doa umat Islam. Martin Lings memulainya dengan mengingatkan pada kearifan falsafah Vedanta India, pandangan penyair Taoisme Cina dan sikap penulis sufi dalam memandang dunia dan peristiwa-peristiwa yang telah berlaku sebagai satu lumrah kehidupan. Dalam puisinya itu juga, beliau menggambarkan bahawa betapa kehidupan moden adalah gersang daripada sentuhan spiritual. Justeru, beliau turut gambarkan kehidupannya sebagai anak manusia yang dibesarkan di jantung peradaban moden Inggeris dan mendalami pula kehangatan spiritual selama berada

di Mesir. Lantaran itu, beliau sadar bahawa beliau berada di tengah ketegangan antara dua corak peradaban kehidupan yang sangat berbeza (Abdul Hadi 2016: 209).

What is Sufism?

Buku '*what is Sufism?*' ini telah dikarang oleh Martin Lings dan telah diterbitkan pada tahun 1975. Ia adalah salah satu tulisannya yang membahaskan tentang tasawuf secara mendalam. Martin Lings menyatakan pada awal penulisannya bahawa buku ini adalah sebuah pertanyaan yang mana pertanyaan tersebut sering diajukan oleh setiap manusia yang ingin mengetahui secara lanjut tentang tasawuf. Pada masa yang sama juga, kandungan buku ini menunjukkan minat Martin Lings terhadap hal-hal kerohanian Islam. Justeru itu, kandungan buku ini secara keseluruhan meliputi kupasan tentang tiga persoalan yang berkaitan dengan tasawuf iaitu persoalan tentang apa yang diyakini dalam tasawuf, persoalan berkaitan dengan penumpuan dalam bidang tasawuf dan persoalan tentang apa yang perlu diamalkan dalam tasawuf (Martin Lings 1975:5).

Kemudian, ia mengandungi sembilan bab. Bab satu membincangkan tentang asal usul tasawuf. Menurut Martin Lings, tasawuf adalah kerohanian yang membincangkan misteri-misteri kerajaan langit yang membawa maksud syurgawi. Bab kedua pula membahaskan keuniversalan dalam tasawuf. Bab ketiga adalah kesinambungan daripada bab pertama kerana pada bab yang pertama beliau mengatakan bahawa tasawuf adalah penenggelaman dalam gelombang ketuhanan. Justeru, Martin Lings menjelaskan apa yang beliau maksudkan dengan gelombang tersebut dalam bab ketiga ini. Seterusnya dalam bab keempat, beliau membicarakan tentang keperibadian seorang sufi yang ideal menurut al-Quran iaitu Rasulullah s.a.w. Menurutnya, bagi seorang sufi yang menempuh jalan kerohanian, perilaku yang paling layak untuk dicontohi adalah Rasulullah s.a.w. kerana baginda adalah insan yang paling memahami al-Quran. Pada bab kelima, Martin Lings memfokuskan perbahasan tentang hati sebagai pusat jiwa dan beliau juga turut menjelaskan tiga peringkat keyakinan iaitu *ilmu al-yaqin*, *ain al-yaqin* dan *haq al-yaqin*. Manakala pada bab keenam yang diberi tajuk 'doktrin', Martin Lings menjelaskan tentang seluruh doktrin yang dikaitkan dengan fikiran. Begitu juga beliau nyatakan bahawa doktrin rohani yang boleh disamakan dengan *ilmu al-yaqin* adalah hasil daripada minda manusia (Martin Lings 1975:10).

Pada bab ketujuh, Martin Lings menerangkan tentang metode atau amalan-amalan yang perlu dijalankan oleh seseorang Muslim dalam mempelajari ilmu tasawuf. Antara amalan yang dinyatakannya adalah memperbanyakkan zikir kepada Allah dan membaca al-Quran. Dalam bab lapan, beliau menerangkan tentang *eksklusivisme* ilmu tasawuf dengan menjelaskan hukum mendalaminya bagi orang awam dan ahli kalam. Pada bab yang terakhir iaitu bab yang kesembilan, Martin Lings menyoroti sejarah perkembangan tasawuf daripada awal kemunculannya sehingga pada zaman moden Martin Lings 1975:14).

Secara umumnya daripada apa yang dibincangkan oleh Martin Lings dalam buku ini, jelas membahaskan tentang keyakinan dalam bertasawuf, Martin Lings menyatakan bahawa tasawuf adalah satu bidang, disiplin dan ilmu pengetahuan tentang penenggelaman (*istighraq*) dalam ayat al-Quran untuk mencapai *fana'*. Bagi sesetengah Sufi, pembacaan al-Quran adalah cara utama untuk *tafakkur tentang* Tuhan yang mana perkara tersebut amat penting bagi setiap

jalan spiritual sehinggakan al-Quran di baca terus-menerus oleh Sufi yang bukan berbangsa Arab meskipun mereka sedikit sahaja memahaminya. Alasannya adalah kerana fikiran mereka itu telah tertembus oleh kesedaran sehingga larut dalam kalimah Ilahi dengan berpanjangan dalam *Asma'* Allah melalui pembacaannya. Mereka juga sedar bahawa ayat-ayatNya adalah petunjuk kepada mereka dalam kembali kepada Tuhan (Martin Lings 1975:16).

Martin Lings menyatakan bahawa al-Quran adalah kitab untuk seluruh umat manusia meskipun pada hakikatnya, beliau percaya bahawa kitab ini lebih utama kepada kaum Sufi kerana mereka lebih memahami dan mendalami ayat-ayat al-Quran secara khusus. Walau bagaimanapun ayat-ayat yang 'terbuka' memang harus diterapkan oleh setiap mukmin kepada dirinya sendiri. Namun, dalam sudut penghayatannya, Martin Lings tetap bertegas bahawa tiada yang boleh mengungguli penghayatan kaum Sufi. Sebagai contoh, doa yang terkandung di dalam Surah Al-Fatihah: "Pimpinlah kami ke jalan yang lurus". Meskipun doa ini sering diulang-ulang dalam sembahyang yang dilakukan seharian, ia tetap lebih menjurus kepada para Sufi kerana mereka adalah kelompok yang benar-benar berhasrat 'menempuh jalan' jika dibandingkan di antara umat yang lain. Mereka mencurahkan diri dalam ayat ini sementara golongan lain tidak mampu melakukan sedemikian (Martin Lings 1975: 17).

Kemudian, Martin Lings turut menyatakan tentang dakwaan para Sufi yang seringkali menyatakan bahawa tasawuf secara lengkap tersimpul dalam ayat "Sesungguhnya kita kepunyaan Allah dan kepadaNya pula kita kembali" sehinggakan mereka mengulang-ulang ayat ini dalam majlis zikir sampai mereka benar-benar mencurahkan diri 'demi Allah' dalam satu jalan yang mana ia tidak pernah dan akan ditempuhi oleh masyarakat awam. Oleh itu, Martin Lings menggambarkan bahawa dakwaan ini telah meletakkan kaum Sufi berbeza darjatnya jika dibandingkan dengan kaum Muslim yang lain bahkan darjat diantara setiap *salik* daripada golongan mereka yang mengikuti tarekat juga adalah berbeza (Martin Lings 1975:20).

Selain itu, Martin Lings juga menyatakan tentang isi kandungan al-Quran yang merangkumi setiap aspek kehidupan insani. Begitu juga Nabi yang ditakdirkan dengan kemampuan yang mampu menjangkau pengalaman manusiawi sekaligus sebagai masyarakat dan individu, maka Martin Lings melihat bahawa al-Quran yang diturunkan adalah selari dengan Sunnah Rasulullah s.a.w. Oleh itu, perkara ini dianggap sebagai satu paduan yang jitu sehingga terlahirnya kepekaan yang mendalam yang kemudiannya disebut sebagai tasawuf. Sebagai buktinya, beliau mendatangkan ungkapan masyhur Nabi: "Berjuanglah untuk duniamu seolah-olah kamu akan hidup seribu tahun dan bersiaplah demi akhiratmu seakan-akan esok kamu akan mati". Pada zahirnya, Martin Lings menyatakan ungkapan ini menyeru kepada kesempurnaan yang difardukan, akan tetapi daripada sisi yang lain, ia dilihat sebagai tuntutan terhadap manusia agar bersiap sedia meninggalkan dunia ini pada bila-bila masa. Ini bermakna menurut Martin Lings bahawa semua perkara mesti dilaksanakan dengan semangat pemisahan iaitu meninggalkan perkara-perkara yang akan menyebabkan terhalangnya pencapaian matlamat. Lantaran itu, Martin Lings memetik sabda Nabi: "Hiduplah di dunia ini seperti musafir atau orang yang sekadar singgah" (Martin Lings 1975: 27).

Pada aspek penumpuan dalam tasawuf pula, Martin Lings menumpukan kepada perbincangan tentang hati yang dianggap sebagai pusat jiwa. Menurutnya, hati adalah padanan kepada roh di mana ia memiliki aspek *Ilahiyah* sekali gus aspek kemakhlukan. Hubungan antara kedua-duanya telah mendorong hati bertindak sebagai fokus terhadap penumpuan jiwa

dalam perjalanan menuju kepada yang Maha Agung. Dalam menerangkannya, Martin Lings mendatangkan contoh atau simbol agung bagi roh iaitu matahari yang merupakan ‘hati’ bagi alam semesta. Jadi, ia memainkan peranan penting kepada sumber kehidupan yang berterusan (Martin Lings 1975: 28). Di samping itu, pada bahagian ini juga Martin Lings memberi penjelasan tentang perbezaan antara keyakinan dengan pendirian yang kedua-duanya berada di ruang hati. Pendirian dikatakan bersifat tidak langsung daripada akal fikiran, yang mana ia adalah hasil daripada proses berfikir secara rasional. Manakala, keyakinan adalah selamanya bersifat langsung hasil daripada persepsi inderawi. Kemudiannya, Martin Lings menjelaskan lagi tentang tiga tahap keyakinan iaitu *ilmul yaqin*, *‘ainul yaqin* dan *haqqul yaqin*. Namun, *ilmul yaqin* dijadikan sebagai asas terhadap fahaman yang terkandung dalam tasawuf. Hal ini adalah kerana *ilmul yaqin* akan membawa kepada keyakinan hati, akan tetapi pencapaian terhadap keyakinan tersebut tetap memerlukan kepada proses penaakulan. Dalam menjelaskan perkara ini, Martin Lings menjadikan *syahadah* sebagai penjelasan (Martin Lings 1975:29).

Bahagian seterusnya, Martin Lings menjelaskan tentang pengamalan yang dianjurkan dalam bertasawuf. Beliau menyatakan bahawa ahli Sufi melihat tasawuf secara keseluruhannya sebagai cara hidup dan amalan yang diambil berdasarkan al-Quran dan Sunnah sehingga amalan-amalan tersebut dibahagikan kepada dua jenis iaitu amalan yang diwajibkan kepada semua muslim dan amalan yang bersifat sunat. Amalan tersebut termasuklah menekuni rukun Islam yang lima, membaca al-Quran, berzikir, tafakur dan sebagainya. Amalan-amalan ini adalah bertujuan untuk mencapai matlamat akhir tasawuf (Martin Lings 1975:30).

Secara umumnya, penekanan yang diketengahkan di dalam buku ini oleh Martin Lings adalah berkaitan dengan keyakinan, penumpuan dan pengamalan dalam bertasawuf. Ketiga-tiga aspek ini dilihat mempunyai perkaitan yang tidak terpisah antara satu sama lain. Hal ini adalah kerana hakikat ilmu tasawuf adalah berkaitan dengan pengalaman kebatinan yang mampu dicapai melalui amalan ibadah.

The Art of Quranic Calligraphy and Illumination

Buku *‘the Art of Quranic Calligraphy and Illumination’* yang dikarang oleh Martin Lings ini telah diterbitkan oleh *World of Islam Festival Trust* pada tahun 1976. Ia mengandungi lapan bab yang secara umumnya, perbincangannya lebih tertumpu kepada kesenian dan kaligrafi yang terdapat pada al-Quran. Disebabkan buku ini bertemakan kesenian, maka ia dilampirkan dengan ilustrasi kaligrafi dan corak-corak kesenian yang terdapat dalam al-Quran.

Bab pertama buku ini memaparkan tentang *Kufic Calligraphy* yang mana ia menerangkan tentang sejarah penulisan khat Kufi. Manakala bab kedua yang bertajuk *Naskhi Calligraphy* menerangkan tentang khat Nasakh. Kedua-dua bab ini disertakan dengan ilustrasi yang menggambarkan kaligrafi-kaligrafi tersebut. Dalam bab tiga pula, Martin Lings menyatakan tentang prinsip-prinsip yang digunakan sebagai perhiasan al-Quran dengan tajuk *The Principles of Quran Illumination*. Kemudian, tiga bab sebelum bab terakhir buku ini, Martin Lings menceritakan tentang kewujudan hiasan seni yang terdapat pada al-Quran mengikut zaman sesebuah kerajaan. Antaranya adalah kerajaan Mamluk, Mongolia, Turki dan kerajaan Uthmaniah. Seterusnya pada bab yang terakhir, beliau membahaskan tentang kaligrafi yang terdapat dalam masyarakat Islam di Barat. Beliau menyatakan Maghribi sebagai contoh

kepada penggunaan tulisan Kufi yang digunakan dalam penulisan dan ia berkembang secara meluas di Barat (Martin Lings 1976).

Muhammad: His Life Based on The Earliest Sources

Karya Martin Lings yang bertajuk *Muhammad: His Life Based on The Earliest Sources* ini diterbitkan pada tahun 1973. Ia adalah sebuah karya yang dikatakan memaparkan 'kebijaksanaan tradisional' dan disebabkan faktor tersebut, ia mungkin dapat diklasifikasikan sebagai karya yang paling berpengaruh dalam menyampaikan tentang imej dan keperibadian Nabi Muhammad s.a.w. Justeru itu, ia telah mendorong munculnya rasa cinta yang semakin mendalam kepada Rasulullah daripada kalangan umat Islam itu sendiri dan juga bukan Islam. Maka tidak hairanlah beliau mendapat anugerah antarabangsa daripada dunia Islam melalui penulisan sirah Rasulullah ini (Paolo Urizzi 2005: 123). Antara penghargaan yang telah diberikan kepada Martin Lings adalah sebagaimana yang dikatakan oleh Princess Nafa'a Ali:

I was first introduced to Sidi Abu Bakar through his book, Muhammad: His Life Based on the Earliest Sources, by Martin Lings. Although I had known the Prophet's story as it was recounted to me countless times during my childhood, the manner in which it was portrayed by the 'English Gentleman' was very moving. When I later enthusiastically read some of his writings, what struck me was the clarity with which Sidi Abu Bakr wrote. It truly takes an enlightened spirit to explain countries-old and seemingly complex concepts with such clarity for virtually anyone to understand. Dr. Martin Lings was able to do it so beautifully, touching us with his translucence and awakening our hearts forever.

Kenyataan ini membuktikan bahawa penulisan beliau tentang Rasulullah s.a.w diberi perincian yang sangat menarik dan hebat. Di samping itu, buku ini juga kemudiannya telah diterjemahkan kepada 10 bahasa seperti bahasa Arab dan Sepanyol.

Martin Lings telah mendatangkan 85 tajuk sebagai kandungan di dalam buku ini. Walau bagaimanapun, ia masih mengikut kronologi kisah hidup Rasulullah s.a.w. Beliau memulakan penulisan pada tajuk pertama dengan sejarah pembinaan Kaabah iaitu dengan penceritaan tentang kelahiran anak nabi Ibrahim. Kemudian pada tajuk ke tujuh iaitu tajuk yang dinamakan dengan 'Tahun Gajah', diceritakan detik kelahiran Rasulullah s.a.w. Dari situ bermulalah penceritaan kisah hidup Rasulullah s.a.w., para Sahabat baginda, peperangan-peperangan yang telah baginda ikuti sehinggalah penjelasan tentang kewafatan dan pemakaman baginda pada bab yang terakhir.

A Return To The Spirit: Questions and Answers

Buku ini merupakan karya terakhir yang dihasilkan oleh Martin Lings sebelum beliau meninggal dunia. Ia diterbitkan pada tahun 2005 oleh Fon vitae dan pengenalannya ditulis oleh Hutson Smith namun, kandungan bab satu sehingga bab enam adalah hasil penulisan Martin

Lings sendiri. Buku ini adalah sebuah 'siri soal-jawab' yang mana ia menjawab persoalan-persoalan asas kerohanian yang timbul daripada para *salik*.

Bab pertama buku ini diberi tajuk *How Did I Come To Put First Things First?*. Bab ini menerangkan bagaimana beliau meletakkan perkara utama di tempat yang pertama dalam hidupnya. Perbincangan dalam bab ini didedikasikan kepada gurunya Fritjof Schuon yang banyak mengajarnya tentang perkara yang perlu diberi keutamaan dalam hidup. Oleh sebab itu, Martin Lings menceritakan tentang kehidupannya sehingga beliau mempersoalkan kenapa beliau tidak dilahirkan pada zaman yang lebih awal disebabkan beliau mendapati bahawa peradaban moden telah membawa sesuatu yang buruk kepada dunia. Justeru, beliau memutuskan untuk menjadikan 'agama' sebagai medan utama pencariannya dalam kehidupan (Martin Lings 2005:1). Kemudiannya, beliau telah bersedia menerima kebenaran terhadap agama yang paling hebat di dunia yang mana telah menyediakan keselarasan kepada keperluan manusia yang tetap berpandukan Tuhan sebagai pusat penumpuan. Lantaran itu, beliau memutuskan untuk mendalami ilmu ini sehinggalah beliau bertemu seorang Sufi dan guru tarekat yang menjadi pembimbingnya (Martin Lings 2005:2).

Seterusnya, beliau juga membahaskan tentang perbezaan antara agama di bawah tajuk *Do the Religions Contradict One Another?*. Seterusnya, beliau menegaskan bahawa perkara utama dalam agama adalah kebergantungan secara keseluruhan terhadap dunia ketuhanan sebagaimana yang disampaikan melalui Kitab dan Nabi. Dalam Kristian, Martin Lings mengkritik tentang Perjanjian Baru yang dilihatnya bukan suatu wahyu, namun ia hanyalah lembaran sejarah suci yang terinspirasi daripada kehidupan dan ajaran daripada penyampai agama tersebut. Manakala, agama Islam diyakininya adalah berdasarkan al-Quran yang telah diwahyukan berserta dengan Nabinya iaitu Nabi Muhammad s.a.w. (Martin Lings 2005:3-4). Martin Lings seterusnya membawa perbahasan tentang agama Buddha agar dapat dilihat dengan lebih jelas perbezaannya dengan agama Islam. Beliau nyatakan bahawa ajaran agama Buddha tidak pernah dinyatakan oleh al-Quran sama sekali, malah beliau menegaskan bahawa al-Quran menerangkan bahawa Tuhan telah menghantar seorang utusan bagi setiap kaum sedangkan agama Buddha telah didirikan lebih 2000 tahun yang lalu dan masih kekal sehingga hari ini, maka agama ini seharusnya mempunyai utusan sebagaimana yang disebut di dalam al-Quran. Akan tetapi, tiada satu pun doktrin agama Buddha yang boleh dikaitkan dengan Tuhan apatah lagi utusan yang disebut sebagai rasul. Justeru, Martin Lings menyifatkan bahawa setiap agama adalah berbeza dan ternyata baginya, agama Islam adalah agama yang paling benar kerana al-Quran adalah wahyu yang disampaikan langsung dari Tuhan kepada manusia (Martin Lings 2005:5-6).

Dalam bab seterusnya pula, Martin Lings menyentuh tentang tasawuf dan hati. Beliau menyatakan bahawa hati adalah organ yang sangat penting kerana ia merupakan pusat keimanan kepada setiap Muslim. Kemudian, *What is the Spiritual Significance of Tears and of Laughter?* dan *What is the Spiritual Significance of Civilization* adalah tajuk bagi bab keempat dan kelima. Kedua-dua bab ini membicarakan tentang kepentingan rohani. Dalam bab keenam, beliau membahaskan tentang perkaitan antara dalil al-Quran dengan tasawuf. Selain itu, pada bahagian terakhir buku ini, Martin Lings juga ada menjelaskan berkaitan penerangan al-Quran tentang akhirat dan bagaimana ia dikaitkan dengan tasawuf. Di akhirat kelak, beliau nyatakan bahawa adanya dua tempat yang dinamakan syurga dan neraka. Golongan yang selamat akan

ditempatkan di syurga sebagaimana telah dijelaskan dalam al-Quran pada surah al-Baqarah: “Kemudian Adam menerima beberapa kalimat dari Tuhannya, lalu Dia pun menerima taubatnya. Sesungguhnya Dia Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang. Kami berfirman: “Turunlah kamu dari syurga! Kemudian jika benar-benar datang petunjukKu kepadamu, maka barangsiapa yang mengikuti petunjukKu, tidak ada rasa takut kepada mereka dan mereka tidak bersedih hati” (Surah al-Baqarah :37-38). Pada masa yang sama, syarat untuk mendapat keselamatan di akhirat juga telah diberi bimbingan oleh Tuhan melalui agama yang dijelaskan olehNya (Martin Lings 2005:7).

Martin Lings melanjutkan perbincangannya tentang perkara tersebut dengan menerangkan bahawa al-Quran telah menegaskan bahawa kepuasan yang sempurna bagi manusia adalah syurga kerana ia merupakan tempat bagi roh yang dirahmati dan pada jiwa mereka ada keinginan serta kelayakan untuk menempati di syurga sebagaimana Allah berfirman: “Lihatlah bagaimana Kami lebihkan sebahagian daripada mereka atas sebahagian yang lain (dalam rezeki pemberian Kami itu) dan sesungguhnya pemberian di akhirat lebih besar tingkatan-tingkatan perbezaannya dan lebih besar tambahan-tambahan kelebihannya” (Surah al-Isra’: 21). Allah juga menyatakan golongan yang terselamat di hari akhirat adalah mereka daripada golongan kanan dan golongan yang terdahulu sebagaimana firmanNya: “Iaitu puak pihak kanan; alangkah bahagianya keadaan puak pihak kanan itu?. Dan puak pihak kiri; alangkah seksanya keadaan puak pihak kiri itu?. Dan (puak yang ketiga pula ialah) orang-orang yang telah mendahului (dalam mengerjakan kebaikan di dunia), - yang akan mendahului (mencapai balasan yang sebaik-baiknya di akhirat kelak)” (Surah al-Waqiah: 68).

Menurut Martin Lings, sekiranya ditanya bagaimana untuk menjadi golongan terdahulu, maka jawapannya adalah dengan menjalani kehidupan secara baik, mungkin mampu menjadi sebagaimana golongan yang dekat (*muqarrabun*). Akan tetapi Martin Lings menyatakan bahawa jawapan yang paling tepat adalah “kamu perlu mati sebelum kamu mati” dengan merujuk kepada ayat: “Dan adakah orang yang mati (hatinya dengan kufur), kemudian Kami hidupkan dia semula (dengan hidayah petunjuk), dan Kami jadikan baginya cahaya (iman) yang menerangi (sehingga dapatlah ia membezakan antara yang benar dengan yang salah, dan dapatlah ia berjalan dengan suluhan cahaya itu dalam masyarakat manusia, (adakah orang yang demikian keadaannya) sama seperti yang tinggal tetap di dalam gelap-gelita (kufur), yang tidak dapat keluar sama sekali daripadanya? Demikianlah (sebagaimana iman itu diperlihatkan keelokannya kepada orang-orang yang beriman), diperlihatkan pula pada pandangan orang-orang yang kafir itu akan keelokan apa yang mereka telah lakukan (dari perbuatan kufur dan segala jenis maksiat)” (Surah al-An’am:122) (Martin Lings 2005:70).

Kemudian, Martin Lings membawa datang persoalan yang mungkin perlu ditimbulkan adalah apa yang menyebabkan sebahagian mereka terselamat dan dimasukkan ke syurga. Menjawab kepada persoalan itu, Martin Lings menyatakan bahawa al-Quran telah menjawab: “Jika kamu menjauhkan dosa-dosa besar yang dilarang kamu melakukannya, Kami akan ampunkan kesalahan-kesalahan (dosa kecil) kamu, dan kami akan masukkan kamu ke tempat yang mulia (syurga)” (Surah al-Nisa’: 31). Martin Lings menjelaskan tentang ‘mengampunkan kesalahan’ dalam ayat tersebut adalah bermaksud menjadikan bersih daripada dosa kerana penyucian adalah aspek yang utama sebagaimana konsep *tazkiah al-nafs* yang dianjurkan dalam tasawuf (Martin Lings 2005: 68).

Secara jelasnya, Martin Lings menerangkan bahawa al-Quran telah membincangkan tentang akhirat secara teliti dan sempurna, tambahan lagi ia selari dengan fahaman tasawuf. Di samping itu juga, al-Quran telah membentangkan ayat-ayatnya tentang kesufian dengan menerangkan tujuan dan matlamat tasawuf secara langsung dan tidak langsung. Hal ini menggambarkan secara tersirat tentang jaminan kewujudan tasawuf sehingga ke hari ni (Martin Lings 2005: 69).

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dilihat dan diketahui dengan tersusun biografi Martin Lings yang merangkumi riwayat hidup, pendidikan dan pekerjaan beliau. Di samping itu, usaha gigih beliau untuk mencari kebenaran dengan mengembara ke banyak negara telah menemukannya dengan agama Islam. Setelah itu, Martin Lings berusaha lagi untuk mendalami Islam dengan mempelajari bahasa Arab sehingga beliau mampu menghasilkan karya dalam bahasa Arab. Martin Lings telah menghasilkan banyak karya sepanjang hayat beliau, namun penulisan yang dinyatakan di atas hanyalah sebilangan sahaja. Antara karya-karyanya yang lain ialah *Shakespeare in the light of sacred art, the secret of Shakespeare, the sacred art of Shakespeare: to take upon the mystery of thing, the Eleventh hour: the spiritual crisis of the modern world in the light of tradition and prophecy* dan banyak lagi. Karya-karya yang dihasilkan oleh Martin Lings itu telah menggambarkan keilmuan beliau yang agak luas dan mendalam. Selain itu, beliau juga menghasilkan terjemahan teks Islam, puisi, seni dan falsafah. Martin Lings juga dikenali sebagai seorang sufi yang gigih menyebarkan Islam di Barat melalui tulisan-tulisan dan artikel-artikelnya. Buku-buku tasawuf karya Martin Lings telah memberi kelebihan kepada bidang tasawuf kerana beliau menerangkan aspek-aspek tasawuf secara terperinci. Oleh itu, ia sedikit sebanyak membantu memberi kefahaman dan impak penjelasan baru tentang tasawuf kepada masyarakat di samping memberi kesedaran bahawa disiplin ilmu tasawuf adalah salah satu komponen utama dalam ajaran Islam. Natijahnya, karya-karya Martin Lings dapat dijadikan rujukan dalam usaha masyarakat untuk meneliti dan memahami Tasawuf. Secara tidak langsung juga, sumbangan beliau mampu menempatkan ilmu ini pada tempat selayaknya alam dunia ilmu-ilmu Islam di dunia.

Rujukan

- Abdul Hadi W.M. 2016. *Hermenutika Estetika dan Religiusitas*. Indonesia: Sadra Press.
- Fizgerald, Micheal. 2010. In Memories: Dr. Marin Lings. *Vincit Omnia Veritas*. 11(1):89-98
- Naumana Amjad. 2005. Dr. Martin Lings: Some Personal Recollections. *Journal of Islamic Studies*. 44(3): 459-462
- Martin Lings. 1976. *The Quranic Art of Calligraphy and Illumination*. England: Westerham Press
- Martin Lings. 1983. *Muhammad: His Life Based on the Earliest Sources*. Cambridge: The Islamic Text Society.
- Martin Lings. 1989. *Syaikh Ahmad Al-Alawi Wali Sufi Abad 20*. Terj. Abdul Hadi. Bandung: Penerbit Mizan.

- Martin Lings. 1991. *What is Sufisme?* Terj. Akhmad. Jakarta: Pedoman Ilmu Jaya.
- Martin Lings. 1993. *A Sufi Saint of the Twentieth Century Shaikh Ahmad al-Alawi* (second edition). Cambridge: The Islamic Texts Society.
- Martin Lings. 2001. *Kitab Kesucian: Doktrin tentang Keyakinan, Penglihatan Batin dan Ma'rifat*. Terj: A. Asnawi. Surabaya: Risalah Gusti
- Martin Lings. 2005. *A Return To The Spirit*. Louisville: Fons Vitae.
- Muhammad Hakiki. 2018. Diskursus Tasawuf di Barat (atas talian) <http://ejournal.radenintan.ac.id/index.php/alAdyan>
- Muzaffar Iqbal. 2005. Into His Lord's Mercy: Remembering Martin Lings. *Islam and Science*. 3 2:175
- Muzaffar Iqbal. 2005. Sufi Poems: A Mediaeval Anthology Martin Lings. *Journal of Islamic Studies* 44 1:142-148.
- Stetkewycz, Jaroslaw. 1965. A Moslem Saint of the Twentieth Century: Shaikh Ahmad al-Alawi, His Spiritual Heritage and Legacy Martin Lings. *Journal of Near Eastern Studies*. 24 ½(Jan-Apr):139-144